



(KENYATAAN RASMI)

**PENGUMUMAN LANGKAH-LANGKAH TAMBAHAN UNTUK MENGURANGKAN RISIKO
PENULARAN WABAK COVID-19 DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

1. Pengurusan UMS memandang serius terhadap peningkatan kes Covid-19 yang berlaku pada masa ini sebagaimana dilaporkan oleh media massa. Bagi mengurangkan risiko penularan Covid-19 khususnya di dalam kampus dan dalam kalangan warga UMS, Pengurusan UMS mengumumkan langkah-langkah tambahan berikut yang berkuatkuasa serta merta sehingga ke satu tarikh yang akan diberitahu kelak:
 - a) Menangguhkan atau membatalkan semua aktiviti dalam UMS yang melibatkan penyertaan atau perhimpunan ramai orang seperti majlis, acara, bengkel, seminar, persidangan, perkhemahan, karnival dan seumpamanya;
 - b) Menangguhkan atau membatalkan semua aktiviti dalam UMS yang melibatkan peserta dari luar UMS termasuk orang awam atau warganegara asing;
 - c) Menghadkan atau menangguhkan aktiviti-aktiviti yang melibatkan pelajar UMS pada semua peringkat kelab, persatuan, pakaian beruniform dan lain-lain, samada di dalam atau di luar UMS;
 - d) Perjalanan ke-enam buah negara yang dikenalpasti berisiko tinggi mengalami penularan Covid-19 iaitu China, Korea Selatan, Itali, Iran, Jepun dan Denmark, adalah tidak dibenarkan sama sekali. Perjalanan ke luar negara selain daripada negara-negara berisiko tinggi tersebut atas urusan yang kurang mustahak hendaklah ditangguhkan;
 - e) Menangguhkan atau membatalkan perjalanan atau penganjuran aktiviti di kawasan tertentu di luar UMS yang dikenalpasti sebagai berisiko tinggi mengalami penularan Covid-19;
 - f) Mewujudkan satu medium komunikasi dalam masa terdekat bagi menyalurkan maklumat terkini dan sahih mengenai perkembangan Covid-19 untuk rujukan warga UMS.
2. Mengambil kira pandemik Covid-19 itu telah memasuki gelombang kedua dan keadaannya sentiasa berubah (*fluid*), Pengurusan UMS akan memantau rapat penularan wabak Covid-19 dan akan mengeluarkan nasihat atau arahan dari masa ke semasa, apabila perlu.

Nasihat dan arahan pengurusan yang telah dikeluarkan akan dinilai semula mengikut kewajaran dan tahap risiko penularan wabak Covid-19.

3. Bersempena dengan minggu cuti persekolahan pada 14 hingga 22 Mac 2020, Pengurusan UMS menasihati kakitangan UMS supaya sentiasa berhati-hati dan menjaga kesihatan diri serta keluarga ketika bercuti, melancong atau menghadiri majlis-majlis keramaian semasa cuti persekolahan itu. Mereka perlu mendapatkan rawatan di klinik atau hospital Kerajaan dengan segera jika mempunyai simptom atau gejala jangkitan saluran pernafasan seperti demam, batuk, selesema atau sakit tekak, terutama setelah mengunjungi lokasi atau destinasi yang berisiko mengalami penularan wabak Covid-19.
4. Pengurusan UMS menasihatkan warga UMS agar tidak panik dan selalu mengamalkan kebersihan diri pada tahap terbaik seperti kerap mencuci tangan dengan air dan sabun atau menggunakan cecair pembasmi kuman (*hand sanitizer*).
5. Pengurusan UMS mengulangi komitmennya untuk memastikan kebajikan dan kesihatan warga UMS sentiasa terpelihara dan bersiap siaga menghadapi apa-apa juga kemungkinan bersabit dengan penularan Covid-19.

Sekian dan harap maklum.

Pusat Pengurusan Strategik dan Komunikasi Korporat (PPSKK)
Universiti Malaysia Sabah
13 Mac, 2020